



**JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA  
JABATAN PERDANA MENTERI**

---

**ARAHAN PENTADBIRAN  
BIL 1 TAHUN 2019  
GARIS PANDUAN ETIKA BERPAKAIAN JAKIM**

---

**TUJUAN**

1. Arahan Pentadbiran ini adalah bertujuan untuk menyelaraskan dan menyeragamkan etika berpakaian pegawai dan kakitangan JAKIM.

**OBJEKTIF GARIS PANDUAN**

2. Sebagai rumusan kepada pekeliling dan garis panduan pemakaian bagi penjawat awam yang sedang berkuat kuasa serta berdasarkan kesesuaian semasa warga JAKIM;
3. Menjadi rujukan dan panduan berpakaian warga JAKIM ketika melaksanakan tugas rasmi ;
4. Mewujudkan budaya berpakaian dengan imej profesional serta memenuhi syariat; dan
5. Menghasilkan keseragaman dalam kaedah berpakaian di kalangan warga JAKIM yang dapat meningkatkan imej di kalangan pelanggan Jabatan

**KAEDAH PELAKSANAAN**

6. Semua warga dikehendaki berpakaian kemas, sesuai dan sopan dengan mematuhi peraturan-peraturan berpakaian yang telah ditetapkan.
7. Semua warga dikehendaki memakai tanda nama sepanjang masa bekerja di pejabat dan semasa melaksanakan tugas-tugas rasmi di dalam negara.
8. Pemakaian baju batik pada setiap hari Khamis adalah diwajibkan kepada semua pegawai/kakitangan lelaki dan wanita, kecuali pada keadaan-keadaan tertentu, contoh : terdapat keperluan untuk menghadiri program-program rasmi tertentu pada hari khamis yang memerlukan kepada kod etika pakaian selain dari batik.

**Arahan Pentadbiran Jakim- Garis Panduan Etika Berpakaian JAKIM**

9. Pemakaian baju kebangsaan pada hari Jumaat adalah digalakkan kepada semua pegawai/kakitangan lelaki.
10. Pemakaian baju korporat pada hari Selasa digalakkan kepada semua pegawai/kakitangan lelaki dan wanita.
11. Bagi warga JAKIM yang dibekalkan dengan pakaian seragam, mereka adalah diwajibkan memakai pakaian seragam tersebut kecuali pada keadaan-keadaan tertentu, contoh : terdapat keperluan untuk menghadiri program-program rasmi tertentu pada hari khamis yang memerlukan kepada kod etika pakaian selain dari batik.
12. Sila rujuk lampiran yang bertajuk GARIS PANDUAN ETIKA BERPAKAIAN JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA bagi mendapatkan maklumat bergambar yang lengkap berkaitan :-
  - a. Panduan Pakaian Ke Pejabat
  - b. Aksesori Yang Dibenarkan
  - c. Perkara Yang Dilarang Dalam Etika Berpakaian Dan Penampilan Ke Pejabat
  - d. Tips Tambahan - Dalam Etika Berpakaian Dan Penampilan Ke Pejabat
  - e. Bahan Rujukan

**TARIKH KUATKUASA**

13. Arahan Pentadbiran ini berkuatkuasa pada **1 Februari 2019**.

**PEMAKAIAN**

14. Arahan Pentadbiran ini terpakai bagi pegawai dan kakitangan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia termasuk JAKIM Sabah, JAKIM Sarawak, Institut Pengajian Islam dan Dakwah Sabah (IPDAS), Institut Kemahiran Islam Malaysia Sarawak (IKMAS), Darul Quran, Institut Latihan Islam Malaysia, Masjid Negara, Masjid Putra dan Masjid Tuanku Mizan Zainal Abidin.



.....  
**( DATUK MOHAMAD NORDIN IBRAHIM )**

Ketua Pengarah

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia

Tarikh : **22** Januari 2019

# **LAMPIRAN**



## GARIS PANDUAN ETIKA BERPAKAIAN

### JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA (JAKIM)

fppt.com

## KATA ALUAN KETUA PENGARAH

Assalamualaikum wbt Salam Sejahtera

JAKIM merupakan sebuah agensi agama di peringkat Persekutuan yang menyediakan pelbagai perkhidmatan, kini dalam rangka usaha untuk membangun dan memajukan Pengurusan Hal Ehwal Islam bertaraf Kelas Pertama. Selaras dengan itu, Jakim berhasrat untuk menonjolkan imej peneraju transformasi Pengurusan Hal Ehwal Islam di Negara ini dalam segenap aspek termasuk dari segi profesionalisme dan keterampilan warganya. Penampilan secara profesional serta menepati kehendak syariat pastinya dapat meyakinkan pelanggan terhadap kredibiliti dan kewibawaan warga Jakim sekaligus membantu meningkatkan imej Jabatan di mata masyarakat.

Sehubungan itu, garis panduan ini diwujudkan sebagai rujukan kepada seluruh warga Jakim agar berpakaian memenuhi kehendak syariat serta mengutamakan penampilan profesional semasa menjalankan tugas rasmi dengan mengambil kira garis panduan sedia ada serta digarab selari dengan tuntutan syariat.

Justeru, saya berharap dengan adanya garis panduan ini, penampilan, imej dan tahap profesionalisme warga Jakim akan dapat dipertingkatkan dan terus diperkasakan.

Sekian, *wassalam*.

**DATUK HAJI MOHAMAD NORDIN BIN IBRAHIM**



fppt.com

**ISI KANDUNGAN**

- OBJEKTIF
- PANDUAN PAKAIAN KE PEJABAT
- AKSESORI
- PERKARA YANG DILARANG DALAM ETIKA BERPAKAIAN DAN PENAMPILAN KE PEJABAT
- TIPS TAMBAHAN
- RUJUKAN
- PENUTUP

fppt.com

**OBJEKTIF GARIS PANDUAN**

fppt.com

## OBJEKTIF



Sebagai sebuah agensi Pengurusan Islam yang menjadi rujukan pelbagai pihak dari dalam dan luar Negara, adalah penting bagi warga Jakim untuk tampil dengan imej profesional serta mematuhi syariat semasa melaksanakan tugas rasmi. Keterampilan pegawai Jakim seharusnya mencerminkan fungsi dan peranan Jakim selaku sebuah agensi agama yang bersifat progresif dan dinamik.

Sehubungan itu, penerbitan buku ini merupakan wadah untuk melahirkan warga Jakim yang mempunyai etika berpakaian dan imej profesional seperti yang dihasratkan oleh Jabatan.

Antara objektif buku ini diterbitkan adalah:

- sebagai rumusan kepada pekeliling dan garis panduan pemakaian bagi penjawat awam yang sedang berkuat kuasa serta berdasarkan kesesuaian semasa warga Jakim;
- Menjadi rujukan dan panduan berpakaian warga Jakim ketika melaksanakan tugas rasmi ;
- Mewujudkan budaya berpakaian dengan imej profesional serta memenuhi syariat; dan
- Menghasilkan keseragaman dalam kaedah berpakaian di kalangan warga Jakim yang dapat meningkatkan imej Jakim di kalangan pelanggan Jabatan

fppt.com

## PEMATUHAN GARIS PANDUAN ETIKA BERPAKAIAN JAKIM

- Semua warga JAKIM dikehendaki berpakaian kemas, sesuai dan sopan dengan mematuhi peraturan-peraturan berpakaian yang telah ditetapkan.
- Semua warga JAKIM dikehendaki memakai **tanda nama** sepanjang masa bekerja di pejabat dan semasa melaksanakan tugas-tugas rasmi di dalam negara.
- Pemakaian **baju batik** pada setiap hari Khamis adalah **diwajibkan** kepada semua pegawai/kakitangan lelaki dan wanita, kecuali pada keadaan-keadaan tertentu, contoh : terdapat keperluan untuk menghadiri program-program rasmi tertentu pada hari khamis yang memerlukan kepada kod etika pakaian selain dari batik.

fppt.com

## PEMATUHAN GARIS PANDUAN ETIKA BERPAKAIAN JAKIM

- Pemakaian **baju kebangsaan** pada hari Jumaat adalah **digalakkan** kepada semua pegawai/kakitangan lelaki.
- Pemakaian **baju korporat** JAKIM pada hari Selasa **digalakkan** kepada semua pegawai/kakitangan lelaki dan wanita.
- Bagi warga JAKIM yang dibekalkan dengan **pakaian seragam**, mereka adalah diwajibkan memakai pakaian seragam tersebut kecuali pada keadaan-keadaan tertentu, contoh : terdapat keperluan untuk menghadiri program-program rasmi tertentu pada hari khamis yang memerlukan kepada kod etika pakaian selain dari batik.

fppt.com





## PANDUAN PAKAIAN KE PEJABAT

fppt.com

**LOUNGE SUIT**



| LELAKI  | WANITA   |
|---|--|
| <ol style="list-style-type: none"> <li>Gabungan 3-<i>pieces suit</i> yang terdiri daripada :                     <ul style="list-style-type: none"> <li>✓ Kot</li> <li>✓ Kemeja</li> <li>✓ Seluar panjang</li> </ul> </li> <li>Sut perlu dipadankan dengan kemeja lengan panjang dan tali leher</li> <li>Seluar dan kot mestilah sepadan dari segi warna dan jenis bahan</li> <li>Pilihan warna sut yang digalakkan adalah warna hitam</li> </ol> | <ol style="list-style-type: none"> <li>Gabungan 3-<i>pieces suit</i> yang terdiri daripada :                     <ul style="list-style-type: none"> <li>✓ Kot</li> <li>✓ Kemeja</li> <li>✓ Skirt labuh</li> </ul> </li> <li>Sut perlu dipakai dengan kemeja lengan panjang yang dibutangkan atau memakai <i>cuff link</i></li> <li>Kadar labuh skirt dan kot mestilah bersesuaian, tidak terlalu ketat atau mencolok mata serta sepadan dari segi warna dan jenis bahan</li> <li>Pilihan warna sut skirt yang digalakkan adalah warna hitam</li> </ol> |

fppt.com

**LOUNGE SUIT**

| KEMEJA   | TALI LEHER   |
|--|--|
| <ol style="list-style-type: none"> <li>Kemeja berkolar dan berlejang panjang. Hendaklah dibutangkan atau memakai <i>cuff link</i></li> <li>Kemeja hendaklah dimasukkan ke dalam (<i>tuck-in</i>) dan lengan tidak dilipatkan</li> <li>Pilihan warna dan corak yang digalakkan adalah warna <i>pastel</i></li> <li>Kemeja berjalur seeloknya dipadankan dengan tali leher tanpa corak atau sebaliknya</li> <li>Sekiranya kemeja mempunyai butang kolar, kolar harus dibutangkan</li> <li>Lebar kolar hendaklah bersesuaian</li> </ol> | <ol style="list-style-type: none"> <li>Ikatan tali leher yang sesuai adalah simpul tiga</li> <li>Kedudukan pin tali leher adalah di bahagian tengah saku baju. Jika memakai <i>lounge suit</i>, tempat pin yang sesuai ialah searas atas saku baju</li> <li>Jika mengenakan pocket handkerchief, tali leher hendaklah dipadankan dengan corak yang sama</li> <li>Hujung kepala tali leher seeloknya mencecah bahagian <i>buckle</i> tali pinggang</li> </ol> |

fppt.com




### BAJU BATIK

1. Baju batik adalah **WAJIB** dipakai di pejabat pada setiap hari Khamis kecuali pegawai yang dibekalkan dengan pakaian seragam
2. Batik yang dipakai hendaklah bercirikan Batik Malaysia
3. Digalakkan membawa baju batik semasa menghadiri urusan rasmi di luar negara dan memakainya di majlis yang bersesuaian. Ini bagi melambangkan identiti dan imej Malaysia

### PAKAIAN MAJLIS FORMAL – BAJU BATIK (PAKAIAN RASMI HARI KHAMIS)




fppt.com



### PAKAIAN KEBANGSAAN / TRADISIONAL

1. PAKAIAN KEBANGSAAN /TRADISIONAL
2. Pakaian Kebangsaan / Tradisional ialah :
  - ✓ Baju Melayu (digalakkan pada hari Jumaat bagi lelaki)
  - ✓ Baju Kurung
  - ✓ Baju Kebaya Labuh
3. Baju Melayu yang lengkap adalah bersamping, bersongkok hitam dan berbutang
4. Baju Melayu tidak dibenarkan dipakai dengan seluar yang berbeza warna atau jenis bahan dan berselipar
5. Pakaian ini hendaklah dipakai secara lengkap dan bersesuaian untuk menjalankan tugas rasmi



fppt.com

**PAKAIAN KEBANGSAAN / TRADISIONAL**

1. Baju kurung atau kebaya labuh hendaklah dipakai mengikut keselesaan (tidak terlalu ketat dengan kelabuhan yang bersesuaian)
2. Fesyen baju kurung dan baju kebaya labuh hendaklah tidak keterlaluan serta tidak menggunakan fabrik yang jarang
3. Pakaian ini hendaklah dipakai secara lengkap dan bersesuaian untuk menjalankan tugas rasmi




fppt.com

**Pemakaian Baju Korporat JAKIM**

Semua warga JAKIM adalah digalakkan memakai Baju Korporat JAKIM mengikut rekabentuk baju yang telah ditetapkan pada setiap hari Selasa.




fppt.com

**PAKAIAN SERAGAM**

1. Pakaian seragam dibekalkan kepada Pemandu dan Pembantu Operasi
2. Pakaian seragam hendaklah dipakai ke pejabat dan sepanjang menjalankan tugas



fppt.com

**PAKAIAN SERAGAM PENGAWAL KESELAMATAN**

1. Pakaian seragam hendaklah dipakai ke pejabat dan sepanjang menjalankan tugas
2. Pakaian ini dipakai oleh semua Pegawai Keselamatan dan dibezakan mengikut tanda pangkat



fppt.com



**PAKAIAN ALTERNATIF**

1. Baju Jubah hendaklah dipakai mengikut keselesaan (tidak terlalu ketat dengan kelabuhan yang bersesuaian).
2. Fesyen baju Jubah hendaklah tidak keterlaluan serta tidak menggunakan fabrik yang jarang dan melekap pada badan (kain lycra)



**WANITA MENGANDUNG**

- ❖ Hendaklah memakai baju mengandung yang labuh dan longgar
- ❖ Memakai kemeja atau blaus sama ada *plain* atau bercorak yang melepasi punggung dan dipadankan dengan skirt labuh yang longgar
- ❖ Memakai *maxi* atau jubah labuh
- ❖ Memakai kasut atau sandal yang sesuai dan selesa

fppt.com









**KASUT LELAKI**

- ✓ BERSIH DAN BERKILAT
- ✓ BERTUTUP
- ✓ BERTUMIT (DIGALAKKAN 0.5"-1.0")
- ✓ BERWARNA GELAP
- ✓ KULIT / PVC ATAU SETARA
- ✓ SARUNG KAKI SEPADAN DENGAN KASUT DAN SELUAR

**KASUT WANITA**

- ✓ BERSIH DAN BERKILAT
- ✓ BERTUTUP
- ✓ BERTUMIT (DIGALAKKAN 0.5"-1.0")
- ✓ BERWARNA GELAP
- ✓ KULIT / PVC ATAU SETARA
- ✓ SARUNG KAKI SEPADAN DENGAN KASUT DAN KAIN

fppt.com



## AKSESORI YANG DIBENARKAN

AKSESORI



**1. PIN TALI LEHER**

- DIPAKAI SELARI DENGAN BAHAGIAN TENGAH SAKU BAJU

**2. TALI PINGGANG**

- WARNA TALI PINGGANG SEPADAN DENGAN WARNA KASUT





**3. CERMIN MATA**

- PILIH BINGKAI YANG BERSESUAIAN

**4. TANDA NAMA**

- SETIAP WARGA JAKIM PERLU MEMAKAI TANDA NAMA/ PAS PEKERJA SEMASA BERADA DI KAWASAN PEJABAT ATAU KETIKA MELAKUKAN TUGAS RASMI DI LUAR PEJABAT





**5. JAM TANGAN**

- BERSESUAIAN

**6. WANGIAN / SEMBURAN**

- PILIH BAUAN YANG LEMBUT DAN MINIMAL BERSESUAIAN DENGAN KEADAAN BAGI MENGELOKKAN SITUASI KURANG MENYENANGKAN



**AKSESORI**



**7. RANTAI / GELANG / CINCIN**

- SEDERHANA SERTA TIDAK TERLALU SARAT DAN MEWAH

**10. SONGKOK**

- SEMUA WARGA JAKIM LELAKI ADALAH DIGALAKKAN MEMAKAI SONGKOK HITAM
- SONGKOK PERLU LAH WARNA HITAM *PLAIN* TANPA CORAK DAN KERAWANG



**8. BEG TANGAN**

- BEG TANGAN YANG BERSESUAIAN DARI SEGI SAIZ DAN BENTUK



**9. SOLEKAN**

- MENGENAKAN SOLEKAN SEDERHANA DAN TIDAK KETERLALUAN BERSESUAIAN DENGAN SITUASI DAN KEADAAN



fppt.com



**PERKARA YANG DILARANG**  
DALAM ETIKA BERPAKAIAN DAN PENAMPILAN KE PEJABAT

fppt.com

**PERKARA YANG DILARANG**  
KATEGORI LELAKI

- 
  - RAMBUT MENCACAK
  - PUNK ATAU SKINHEAD
  - MEWARNAKAN RAMBUT
  - BERKEPALA BOTAK KECUALI ATAS FAKTOR GENETIK / KESIHATAN / KEAGAMAAN
- 
  - JANGGUT DAN MISAI YANG TIDAK DIRAPI DENGAN KEMAS
- 
  - MENINDIK TELINGA

fppt.com

**PERKARA YANG DILARANG**  
KATEGORI LELAKI

- KEMEJA BERLENGAN PENDEK KECUALI PAKAIAN SERAGAM / BAJU KORPORAT YANG DIBENARKAN OLEH PIHAK PENGURUSAN UNTUK PROGRAM / AKTIVITI YANG DITETAPKAN


- BERKUKU PANJANG DAN TIDAK BERSIH


- MEMAKAI LEBIH DARIPADA DUA (2) CINCIN PADA SATU TANGAN


- KEMEJA T (T-SHIRT)



fppt.com

**PERKARA YANG DILARANG**  
**KATEGORI LELAKI**

Pakaian yang dibuat daripada Sutera **ASLI**



MEMAKAI BOW TIE



KEMEJA BERCETAKKAN PERKATAAN YANG TIDAK SESUAI, LOGO, GAMBAR ATAU SLOGAN YANG BERCIRIKAN UNSUR POLITIK, GANAS, SERAM, LUCAH DAN YANG SEUMPAMANYA



MEMAKAI TALI LEHER BERKARAKTER KARTUN ATAU KARAKTER-KARAKTER LAIN YANG TIDAK SESUAI



MEMAKAI SUT YANG BERLAINAN WARNA DENGAN WARNA SELUAR KECUALI JIKA MEMAKAI SPORTS-JACKET



fppt.com

**PERKARA YANG DILARANG**  
**KATEGORI LELAKI**

**KATEGORI KAKI**

KASUT YANG TIADA TUMIT (KECUALI ATAS SEBAB KESIHATAN)



MEMAKAI SELIPAR, KASUT GETAH DAN KASUT SUKAN



fppt.com



 PERKARA YANG DILARANG  
KATEGORI LELAKI

KETERAMPILAN UMUM

MENCACAH TATOO




NAFAS BERBAU





MEMPUNYAI BAU BADAN  
(KHUSUSNYA BAU ROKOK)




fppt.com

 PERKARA YANG DILARANG  
KATEGORI WANITA

 • TIDAK BERHIJAB

 • BAJU YANG TERDEDAH DI BAHAGIAN PINGGANG  
• PAKAIAN YANG KETAT, JARANG, BERLEHER LUAS ATAU FESYEN YANG TIDAK SESUAI UNTUK KE PEJABAT

 • KEMEJA BERLENGAN PENDEK  
• KEMEJA BERCETAKKAN PERKATAAN YANG TIDAK SESUAI, LOGO, GAMBAR ATAU SLOGAN YANG BERCIRIKAN UNSUR POLITIK, GANAS, SERAM, LUCAH DAN YANG SEUMPAMANYA  
• KEMEJA T (T-SHIRT)

fppt.com

 PERKARA YANG DILARANG  
KATEGORI WANITA

KATEGORI KAKI

KASUT YANG TIADA TUMIT (KECUALI ATAS SEBAB KESIHATAN)



MEMAKAI SELIPAR DAN SANDAL



fppt.com

 PERKARA YANG DILARANG  
KATEGORI WANITA

KETERAMPILAN UMUM

MENCACAH TATOO



SOLEKAN YANG BERLEBIHAN



MEMAKAI WANGIAN YANG TIDAK SESUAI DAN BERLEBIHAN



fppt.com




**LELAKI DAN WANITA**

- ❖ Bagi mereka yang bertubuh gempal, digalakkan memilih baju bercorak jalur menegak bagi memberi impresi tubuh yang lebih tinggi. Selain itu, baju kurung bercorak bunga besar harus dielakkan bagi wanita yang bertubuh gempal
- ❖ Bagi mereka yang kurus, digalakkan untuk memilih baju berjalur melintang dan bermotifkan bunga besar bagi wanita
- ❖ Elakkan memakai kemeja daripada fabrik yang jarang dan berkilat

**WANITA**

- ❖ Baju kurung hendaklah tidak melebihi dari 4 kombinasi warna bagi menampilkan imej korporat
- ❖ Skirt labuh potongan pensil memberikan kesan penampilan yang kemas dan menarik untuk semua potongan tubuh
- ❖ Padanan warna tudung dan warna baju yang sesuai memberi impak lebih menarik kepada si pemakai

fppt.com



**BAHAN**

- Buku Garis Panduan Etika dan Penampilan Pemakaian ke Pejabat ini adalah tertakluk kepada arahan yang telah dikeluarkan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) :
- Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 8 Tahun 1975 - Pindaan Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Mengenai Pakaian Masa Bekerja dan Semasa Menghadiri Upacara-upacara Rasmi bagi Pegawai-pegawai Kerajaan;
- Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 2 Tahun 1985 - Pakaian Masa Bekerja dan Semasa Menghadiri Upacara-upacara Rasmi Bagi Pegawai Awam;
- Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatalertib) 1993;
- Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 2006 - Fesyen Pakaian Alternatif sebagai Pakaian Semasa Bekerja dan Menghadiri Upacara Rasmi, dan
- Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 2008 - Pemakaian Pakaian Batik Malaysia oleh Pegawai Awam pada Hari Khamis
- Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 9 Tahun 2013 – Pemakaian *Two/Three Piece Suit Pants* Bagi Pegawai Wanita Semasa Bekerja

fppt.com

